



Untuk Siaran Segera
28 Oktober 2021

SERTAI FIESTA LABUR PNB@HOME 29-31 OKTOBER

Karnival digital ASNB bertujuan mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang perancangan kewangan

KUALA LUMPUR, 28 Oktober 2021: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), akan menganjurkan program **Fiesta Labur PNB @Home** secara langsung menerusi platform [Facebook Amanah Saham Nasional Berhad](#) dari 29 hingga 31 Oktober ini, dari jam 10.00 pagi hingga 5.30 petang. Acara tahunan anjuran ASNB ini bakal bersiaran di platform digital untuk terus menyediakan pelbagai aktiviti dan hiburan bagi seisi keluarga, sambil mendidik dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perancangan kewangan dalam kehidupan seharian.

Pelbagai ilmu dan maklumat pelaburan serta produk dan perkhidmatan ASNB akan dikongsi menerusi tiga segmen utama iaitu *Borak-Borak Je*, *ASNB Kongsi* dan *Diva Labur*. Ketiga-tiga segmen ini akan menampilkan selebriti popular iaitu Ajak Shiro, Bell Ngasri, Haiza, Abby Fana dan DD Chronicle. Mereka akan secara bergilir memudah cara program bersama panel jemputan termasuk Dr. Adam Zubir dan Alwi Adam yang merupakan penasihat kewangan berlesen; *YouTuber* Faiz Azmi, pengendali saluran kewangan *Financial Faiz*; dan Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin, Pengarah Eksekutif Antarabangsa Akademi Penyelidikan Syariah bagi Kewangan Islam (ISRA).

Antara tajuk menarik yang akan dikupas dalam segmen *Borak-Borak Je* ialah “Kelebihan Pelaburan Konsisten... Biar Kecil, Jangan Tiada Langsung” oleh Dr. Adam Zubir; “Pulangan Tinggi, Apa yang Perlu Dikaji” oleh Alwi Adam dan “Pembentangan ASB - Ambil Ikkut Kemampuan, Optimumkan Pulangan!” oleh Faiz Azmi.

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin berkata sebelum pandemik COVID-19, Fiesta Labur PNB yang mula dianjurkan pada 2016 pernah diadakan di Simunjan, Sarawak dan Putrajaya serta dianjurkan secara bersama di Karnival Jom Heboh TV3 bermula 2018.

“Bagaimanapun, seiring dengan norma baharu ketika ini, tahun ini ASNB menganjurkannya secara dalam talian menerusi Facebook rasmi kami supaya kami dapat terus mendekati orang ramai dan pelabur ASNB,” tambah beliau.

Program ini turut diadakan bersempena Bulan Literasi Kewangan 2021 anjuran Financial Education Network (FEN) yang berlangsung sepanjang Oktober ini. PNB merupakan ahli jaringan FEN yang bermatlamat memperkasa penyampaian ilmu perancangan kewangan kepada orang ramai.

“Untuk mencapai matlamat ini, kami menjemput ahli panel berpengalaman dalam bidang perundingan kewangan dan pelaburan, untuk berkongsi kepakaran dalam sesi khas ‘*Special Coaching*’. Ia berbentuk kelas bimbingan dan khidmat nasihat bagi membantu peserta melabur dan mengurus kewangan dengan lebih baik dan berkesan,” jelas Mohammad.

Sesi ini menyediakan tiga tajuk pilihan dengan ahli panel berikut:

- i. Strategi Memaksimumkan Pulangan Menerusi Pembiayaan ASB oleh Penasihat Kewangan Berlesen, Suzardi Maulan;
- ii. Asas Mengurus Kewangan untuk Mula Melabur oleh Penasihat Kewangan Berlesen, Alwi Adam; dan
- iii. Langkah Demi Langkah Urus Harta untuk Mudahkan Waris oleh Peguam di Tetuan Nor Zabetha Chinna & Co, Nor Zabetha Muhamad Nor.

Sesi ini akan dibawakan menerusi platform *Zoom* dan mereka yang berminat hanya perlu mendaftar di pautan yang tersedia di laman Web rasmi Fiesta Labur, Facebook rasmi ASNB dan Sembang-Sembang ASNB.

“Selain itu, kami juga menjemput ejen-ejen ASNB untuk berkongsi mengenai perkhidmatan yang mereka tawarkan khusus untuk pelabur ASNB,” kata Mohammad lagi.

Fiesta Labur kali ini turut menampilkan segmen istimewa *Diva Labur* oleh personaliti jemputan DD Chronicle yang akan berkongsi ilmu pelaburan dan perancangan kewangan menggunakan kaedah santai bagi memudahkan pemahaman orang ramai.

Sementara itu, trivia istimewa *Olympiad50: ASNB&Anda* turut dianjurkan untuk menguji pengetahuan orang ramai mengenai ASNB, pelaburan dan perancangan kewangan. Peserta perlu menjawab 50 soalan berkaitan untuk berpeluang memenangi hadiah bernilai RM500 seorang untuk lima orang pemenang.

ASNB berharap program Fiesta Labur akan menjadi antara platform pilihan utama orang ramai untuk mendapatkan panduan dan maklumat mengenai pelaburan dan perancangan kewangan, agar mereka boleh membuat keputusan pelaburan lebih bijak dalam persekitaran ekonomi yang sangat mencabar ketika ini.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web [Fiesta Labur PNB @Home](#), serta [Facebook ASNB](#) dan [Sembang-Sembang ASNB](#).

- *Tamat* -

Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 260 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad

MAIN PROMO

Fiesta
LABUR PNB@Home
29-31 Oktober 2021

* Abby Fana * Bell Ngastri * DD Chronicle * Haiza * Ajak Shiro

Secara langsung di Facebook ASNB | 10.00 pagi – 5.30 petang

ASNB Kongsi Kempen Pengurusan Kewangan Trivia

BORAK-BORAK Je...

DIVA Labour

TRIVIA Live

Cashback @myASNB

Special COACHING

- + Suzardi Maulan
- + Nor Zabitha Muhamad Nor
- + Alwi Adam

OLYMPIAD 50

Bersama kami untuk pelbagai info dan maklumat menarik! #langkahkecil #bijakuruswang

AHLI FEN

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad [@ www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

BORAK-BORAK JE

Fiesta
LABUR PNB@Home

Kelebihan Pelaburan Konsisten: Blar Kecil, Jangan Tiada Langsung

29 Oktober 2021
10.15 pagi-11.15 pagi

Dr Adam Zubir
Penasihat Kewangan Berlesen

BORAK-BORAK Je...

Perkongsian strategi dan tip mudah untuk membantu anda membuat tabungan dan merealisasikan impian

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad [@ www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

Fiesta
LABUR PNB@Home

Bina Kehidupan Selesa: Bagaimana ASNB Boleh Membantu Anda?

29 Oktober 2021
11.50 pagi-12.45 tengah hari

Siti Norliah Shamsul Bahri
Ketua, Jabatan UHCFE, ASNB

BORAK-BORAK Je...

Perkongsian strategi dan tip mudah untuk membantu anda membuat tabungan dan merealisasikan impian

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad [@ www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

Fiesta
LABUR PNB@Home

Kenali Wakaf ASNB

29 Oktober 2021
4.05 petang-5.00 petang

Prof Dr Mohamad Akram Laldin
Pengaruh Eksekutif Akademik Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA)

BORAK-BORAK Je...

Perkongsian strategi dan tip mudah untuk membantu anda membuat tabungan dan merealisasikan impian

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad [@ www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

Fiesta
LABUR PNB@Home

Pulangan Tinggi: Apa Yang Perlu Dikaji

30 Oktober 2021
10.15 pagi-11.15 pagi

Alwi Adam
Penasihat Kewangan Berlesen
Ezaz Wealth Sdn Bhd

BORAK-BORAK Je...

Perkongsian strategi dan tip mudah untuk membantu anda membuat tabungan dan merealisasikan impian

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad [@ www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

Fiesta
LABUR PNB@Home

Bijak Urus Hutang, Hidup Lebih Tenang

30 Oktober 2021
4.05 petang-5.00 petang

Nirmala Supramaniam
Ketua, Household Financial Education Department, Agenzia Kounseling & Pengurusan Kredit (AKPK)

BORAK-BORAK Je...

Perkongsian strategi dan tip mudah untuk membantu anda membuat tabungan dan merealisasikan impian

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad [@ www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

Fiesta
LABUR PNB@Home

Pembentayaan ASB: Ambil Ikat Kemampuan, Optimumkan Pulangan

31 Oktober 2021
10.15 pagi-11.15 pagi

Faiz Azmi
Pengasas Saluran FinancialFaiz @YouTube

BORAK-BORAK Je...

Perkongsian strategi dan tip mudah untuk membantu anda membuat tabungan dan merealisasikan impian

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad [@ www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

DIVA LABUR

Fiesta LABUR PNB @Home

▼ Santai je bersama **DIVA Labur**

Dd Chronicle
Youtuber

#langkahkecil #bijakuruswang

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad www.asnb.com.my

29 Oktober 2021 • 11.20 pagi - 11.30 pagi
• 3.35 petang - 3.45 petang

30 Oktober 2021 • 11.20 pagi - 11.30 pagi
• 12.45 tengah hari - 12.50 tengah hari
• 3.35 petang - 3.45 petang

31 Oktober 2021 • 11.20 pagi - 11.30 pagi
• 12.45 tengah hari - 12.50 tengah hari
• 3.35 petang - 3.45 petang

OLYMPIAD 50

Fiesta LABUR PNB @Home

Apa yang anda tahu mengenai ASNB, Pengurusan Kewangan dan Pelaburan?

OLYMPIAD 50

Jom, uji diri anda!!

Hanya jawab **50 soalan** untuk peluang menang!

5 pemenang x RM500*

* Tertakluk kepada terma & syarat

#langkahkecil #bijakuruswang

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad www.asnb.com.my

Touch n Go eWallet

SPECIAL COACHING

Fiesta LABUR PNB @Home

▼ STRATEGI MEMAKSIMUMKAN PULANGAN MENERUSI PEMBIAYAAN ASB

29 Oktober 2021
9.00 pagi-12.00 tengah hari

Special COACHING

DAFTAR SEGERA!

Dapatkan Panduan & Strategi Pelaburan daripada Penasihat Kewangan Bertauliah dan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing

#langkahkecil #bijakuruswang

Suzardi Maulan
Penasihat Kewangan Berlesen

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad www.asnb.com.my

Fiesta LABUR PNB @Home

▼ LANGKAH DEMI LANGKAH URUS HARTA UNTUK MUDAHKAN WARIS

30 Oktober 2021
10.00 pagi-1.00 tengah hari

Special COACHING

DAFTAR SEGERA!

Dapatkan Panduan & Strategi Pelaburan daripada Penasihat Kewangan Bertauliah dan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing

#langkahkecil #bijakuruswang

Nor Zabitha Muhamad Nor
Pegawai Tetapan Nor Zabitha Chime & Co

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad www.asnb.com.my

Fiesta LABUR PNB @Home

▼ ASAS MENGURUS KEWANGAN UNTUK MULA MELABUR

31 Oktober 2021
10.00 pagi-1.00 tengah hari

Special COACHING

DAFTAR SEGERA!

Dapatkan Panduan & Strategi Pelaburan daripada Penasihat Kewangan Bertauliah dan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing

#langkahkecil #bijakuruswang

Alwi Adam
Penasihat Kewangan Berlesen Ezaz Wealth Sdn Bhd

ASNB | Amanah Saham Nasional Berhad www.asnb.com.my